

Headline **Petani perlukan teknologi yang sesuai**
Date **27. Jun 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **10**
Section **Supplement** Article Size **484** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Petani perlukan teknologi yang sesuai



Oleh LAUPA JUNUS

ANTARA kelemahan yang dikenal pasti dalam memastikan kejayaan projek pertanian di negara ini ialah masalah penerimaan teknologi yang masih rendah di kalangan pengusaha pertanian.

Ini berlaku kerana usaha pengembangan sebelum ini berlaku kelemahan dalam menyalurkan bantuan dan pemindahan teknologi kepada kumpulan sasar tersebut, sedangkan ia boleh dilaksanakan sekiranya dilakukan dengan betul.

Sehubungan itu, beberapa pendekatan perlu diberi perhatian dalam memastikan petani mendapat teknologi yang betul menerusi pengembangan pertanian.

Perkara yang paling penting ialah mereka hendaklah diberi teknologi yang sesuai dengan masalah yang dihadapi manakala pengembangan pertanian perlu mengambil kira penyertaan pengusaha dalam membuat sebarang keputusan mengenai projek yang diusahakan.

Itu antara dapatan sepanjang Persidangan Pengembangan Pertanian


Antarabangsa (AGREX 08) yang berlangsung baru-baru ini.

Persidangan tersebut yang dihadiri kira-kira 200 peserta dengan 75 pembentangan kertas kerja merupakan anjuran Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC), Universiti Putra Malaysia (UPM), dengan kerjasama Universiti Tehran, Jabatan Pertanian dan Agrobank.

Menurut Pengerusi AGREX08, Prof. Dr. Azimi Hamzah yang juga Pengarah APEEC, petani perlu dilibatkan sebagai perancang, pelaksana dan penilai projek supaya tidak wujud jurang perbezaan antara mereka dan agen pengembangan.

"Selama ini kita dapati petani hanya bertindak sebagai penerima sahaja, tidak menjadikan pertanian suatu perniagaan dan tidak celik pertanian sebaliknya mereka perlu berfungsi lebih daripada itu," katanya kepada *Mega*, ketika ditemui baru-baru ini.

Sempena persidangan tersebut, sebuah jawatankuasa penaja Persatuan Profesional dan Pengamal Pengemba-



DR. AZIMI HAMZAH

ngan Pertanian yang dianggotai pakar pertanian tempatan dan antarabangsa ditubuhkan.

Menurut Azimi, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Protet persatuan tersebut yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada antara lain terdiri daripada bekas Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Khanif Yusof dan tiga Timbalan Pengarah APEEC iaitu Prof Dr. Musa Abu Hassan dan

Prof. Madya Dr. Nordin Abdul Rahman dan Dr. Norsida Man.

Antara tokoh lain yang turut menganggotainya ialah Dr. Jay Cummins mewakili Australia, Myint Thuzar (Myanmar), Hugo (Sudan), Dr. Marietta C. Mojica (Filipina) dan Dr. Surya Rathore (India).

Dr. Azimi berkata, jawatankuasa penaja itu ditubuhkan selepas mesyuarat pertama kumpulan pakar

yang diwujudkan lebih awal iaitu pada hari pertama persidangan.

Beliau memberitahu, mesyuarat jawatankuasa tersebut bersetuju untuk mengambil keputusan antaranya merangka perlembagaan persatuan, mengadakan kempen keahlian dan membuat pendaftaran persatuan termasuk langkah awal dilakukan di negara ini.

"Kita juga bersetuju untuk mengadakan kempen mempromosi persatuan ini menerusi NGO (badan-badan bukan kerajaan) dan jabatan yang berkaitan dengan pengembangan pertanian," katanya.

Justeru, pihaknya menjangka segala usaha-usaha tersebut termasuk merangka perlembagaan dan melancarkan persatuan akan selesai menjelang pertengahan tahun depan.

Jawatankuasa juga bersetuju untuk mengadakan AGREX setiap dua tahun sekali dan Iran telah dipilih sebagai tuan rumah pada 2010 dan Australia pada 2012.

AGREX08 sesungguhnya memberi isyarat awal mengenai seriusnya pakar-pakar pengembangan pertanian untuk menghidupkan semula aktiviti tersebut supaya kumpulan sasar secara keseluruhannya dapat menikmati hasil penyelidikan, teknologi dan apa juga bentuk ilmu untuk memajukan projek mereka.



MENERUSI program pengembangan, petani layak berkongsi dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek mereka - Gambar hiasan.